



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 27 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

27/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM PERKUKUH SISTEM BANTUAN LEBIH EFISIEN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-perkukuh-sistem-bantuan-lebih-efisien	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1476741/jkm-laksana-sistem-baharu-percepat-penyampaian-bantuan-menjelang	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-bangunkan-sistem-baharu-percepat-bayaran-bantuan-menjelang-2027/	BULETINTV3.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/26/kpwkm-komited-tingkatkan-kecekapan-saluran-bantuan-kebajikan/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/26/bantuan-jkm-disasar-masuk-sebelum-10-hari-bulan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/11/sistem-baharu-salur-bantuan-kebajikan-jkm-bermula-2027/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/26/bantuan-kebajikan-disasar-masuk-sebelum-10-haribulan-setiap-bulan-nancy/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://themalaysianreserve.com/2025/11/26/kpwkm-to-improve-delivery-time-welfare-aid-new-initiatives/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	
	https://malaysiabangkit.com/jkm-bangunkan-sistem-baharu-percepat-penyaluran-bantuan-menjelang-2027/	MALAYSIABANGKIT.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/26/welfare-aid-to-be-paid-by-the-10th-of-each-month-dewan-rakyat-told	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1323287/nancy-social-welfare-system-be-upgraded-2027-speed-aid	NST.COM.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/ecPTws62WMM	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	556,300 TERIMA BANTUAN JKM, BELANJA CECAH RM2.28 BILION SETAHUN		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/26/556300-terima-bantuan-jkm-belanja-cecah-rm2-28-bilion-setahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/news.php/bfokus/politik/news.php?id=2495420	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1476746/556300-individu-terima-bantuan-kebajikan-dengan-perbelanjaan-rm228	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php//bfokus/general/news.php?id=2495468	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/over-556000-malaysians-receive-rm2-28-billion-in-welfare-aid-annually/	THESUN.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KERAJAAN NILAI SEMULA KELAYAKAN PENDAPATAN PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/11/kerajaan-nilai-semula-kelayakan-pendapatan-penerima-bantuan-kebaikan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://theedgemalaysia.com/node/782815	THEEDGE MALAYSIA.COM	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KEHAMILAN LUAR NIKAH: PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF PENYELESAIAN JANGKA PANJANG		NEUTRAL
	https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2495436	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758177/suara-sinar/analisis-sinar/hamil-luar-nikah-krisis-senyap-membimbangkan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/rencana/statistik-vs-realiti-memahami-faktor-kehamilan-remaja-di-malaysia/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://malaysiabangkit.com/mawim-bimbang-seru-tindakan-segera-henti-kehamilan-remaja/	MALAYSIABANGKIT.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	WE2025: PLATFORM MALAYSIA, KOSOVO KUKUHKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2495663	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2495648	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	MANGSA BERDAFTAR DI PPS DAPAT RM1,000 SETIAP KELUARGA – NADMA		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-berdaftar-di-pps-dapat-rm1000-setiap-keluarga-nadma/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292716/nadma-mohon-mangsa-banjir-daftar-di-pps-lengkapkan-myibjkm-untuk-bantuan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2495783	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292074/mangsa-banjir-dapat-bantuan-rm1000-tapi-mesti-daftar-dulu-di-pps	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758296/berita/semasa/nadma-mohon-mangsa-banjir-daftar-di-pps-lengkapkan-myibjkm-untuk-bantuan-rm1000	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2495779	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/26/nadma-mohon-mangsa-banjir-daftar-di-pps-lengkapkan-myibjkm-untuk-bantuan-rm1000/	TVSARAWAK.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/11/25/mangsa-banjir-berdaftar-di-pps-dapat-rm1000-setiap-keluarga-masuk-terus-akaun-bsn---nadma	MAJORITI.COM.MY	
	https://themalaysianreserve.com/2025/11/26/nadma-urges-flood-victims-to-register-via-myibjkm-app-for-immediate-rm1000-aid/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=5yVU_a2QI0s	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	LEBIH 30,000 MANGSA BANJIR DI SEMENANJUNG		NEGATIF
	https://www.malaysiakini.com/news/761834	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758208/berita/semasa/jumlah-mangsa-terus-meningkat-terengganu-kembali-dilanda-banjir	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292619/mangsa-banjir-terus-meningkat-cecah-26492-di-sembilan-negeri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758202/edisi/terengganu/lima-daerah-di-terengganu-dilanda-banjir-lebih-500-mangsa-dipindahkan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292589/pasir-mas-daerah-terbaru-di-kelantan-dilanda-banjir	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758204/berita/semasa/mangsa-banjir-catat-22159-orang-di-lapan-negeri	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292691/1105-5-mangsa-banjir-di-kelantan-ditempatkan-di-pps	HMETRO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292379/8-daerah-di-kelantan-dilanda-bah	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	RM5 JUTA PERLUAS TABIKA TUNAS ISTIMEWA@KEMAS TAHUN DEPAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rm5-juta-perluas-tabika-tunas-istimewa-kemas-tahun-depan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2495475	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	MERCY MALAYSIA SALUR BANTUAN PERUBATAN DAN SOKONGAN PSIKOSOSIAL DI LOKASI BANJIR KELANTAN		POSITIF
	https://malaysiabangkit.com/mercy-malaysia-salur-bantuan-perubatan-dan-sokongan-psikososial-di-lokasi-banjir-kelantan/	MALAYSIABANGKIT.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	80 PERATUS KES BUNUH DIRI MEMBABITKAN LELAKI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292532/80-peratus-kes-bunuh-diri-membabitkan-lelaki	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM perkukuh sistem bantuan lebih efisien

Nasional - Dicipta: 26 November 2025 11:31 AM



Datuk Seri Nancy Shukri

KUALA LUMPUR, 26 November – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang membangunkan sistem penyaluran bantuan kebajikan yang baharu dan lebih efisien bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata usaha itu dilakukan bagi menangani peratusan kecil penerima yang ketika ini masih menerima bantuan melebihi tarikh asal yang disasarkan.

"Bagi bantuan kewangan kebajikan bulanan seperti Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Warga Emas dan sebagainya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menasaskan untuk penyalurannya selesai dibuat tidak lewat dari 10 hari bulan setiap bulan.

"JKM kini sedang membangunkan sistem yang baharu. Sistem ini disasarkan untuk mula beroperasi menjelang awal tahun 2027," ujar beliau.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin berhubung langkah kementerian untuk memastikan bantuan kebajikan disalurkan tepat pada waktu kepada penerima serta program khusus membantu keluarga miskin dan ibu tunggal di Dewan Rakyat.

Mengulas lanjut, bantuan kerajaan kepada golongan miskin bandar tidak hanya tertumpu bantuan kewangan semata-mata tetapi juga pelaksanaan pelbagai program seperti 'Two Years Exit Program' serta Program Pemerkasaan dan Transformasi Minda Penerima Bantuan JK.

Bagi ibu tunggal pula, Jabatan Pembangunan Wanita giat melaksanakan pelbagai program bagi menggalakkan lebih ramai ibu tunggal terlibat dalam bidang keusahawanan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy ketika Sesi Jawab Lisan di Dewan Rakyat hari ini. FOTO JAPEN.

556,300 terima bantuan JKM, belanja cecah RM2.28 bilion setahun

Oleh MOHD RASDAN AHMAD 26 November 2025, 3:53 pm

KUALA LUMPUR – Seramai 556,300 individu kini menerima bantuan kebajikan dengan perbelanjaan mencecah RM2.28 bilion setahun, peningkatan besar berbanding lebih 200,000 penerima sebelum ini, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata lonjakan jumlah penerima itu menunjukkan keperluan menilai semula kadar kelayakan pendapatan terutama di kawasan bandar yang terkesan dengan tekanan kos sara hidup.

“JKM menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan RM1,169 sebagai rujukan, namun ia bukan satu-satunya kriteria. Keperluan serta keadaan pemohon turut dinilai,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Nancy berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) berkaitan peratusan penerima produktif dan tidak produktif, keberkesanan program keluar daripada kemiskinan serta keperluan menyemak semula kadar kelayakan pendapatan.

Menurutnya, cadangan untuk menyemak semula kelayakan pendapatan pernah dibangkitkan dan kementerian bersedia membawa perkara itu ke peringkat seterusnya dengan sokongan Ahli Parlimen. – KOSMO! ONLINE.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan nilai semula kelayakan pendapatan penerima bantuan kebajikan



NANCY SHUKRI

Oleh NURUL IRDINA SUMALI DAN FATIN NORIZATI MAT ISA 26 November 2025, 1:20 pm

KUALA LUMPUR: Seramai 556,300 individu kini menerima bantuan kebajikan dengan jumlah perbelanjaan tahunan sebanyak RM2.28 bilion, meningkat ketara berbanding lebih 200,000 penerima sebelum ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, peningkatan jumlah penerima mencerminkan keperluan menilai semula kadar kelayakan pendapatan berikutan tekanan kos sara hidup, terutamanya di kawasan bandar.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan RM1,169 sebagai rujukan, namun ia bukan satu-satunya kriteria. Kami turut menilai keperluan dan keadaan pemohon," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) mengenai peratusan penerima bantuan yang produktif dan tidak produktif, keberkesanan program keluar daripada kemiskinan, serta keperluan menyemak semula kadar kelayakan pendapatan berikutan kos sara hidup yang meningkat di Dewan Rakyat, hari ini.

Nancy berkata, cadangan untuk menyemak semula kelayakan pendapatan itu pernah dibangkitkan sebelum ini dan kementerian bersedia mengusulkannya dengan sokongan Ahli Parlimen. – [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SUARA BELIA

Kehamilan Luar Nikah: Pendidikan Kesihatan Reproduktif Penyelesaian Jangka Panjang



26/11/2025 02:37 PM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.

Oleh Khairul Anuar Abdul Manap

Isu kehamilan luar nikah, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja Melayu, terus menjadi kebimbangan nasional apabila peningkatan tahun ke tahun mencerminkan kelemahan dalam struktur sosial negara.

Menurut LPPKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia, bilangan remaja yang terlibat dengan kehamilan luar nikah menunjukkan pola peningkatan dalam beberapa tahun terakhir dan suatu petunjuk bahawa pendekatan lama tidak lagi mencukupi.

Pakar-pakar sosial menegaskan bahawa fenomena ini bukan sekadar masalah remaja "nakal".

Sebaliknya, ia berkait rapat dengan sistem pendidikan yang masih terbatas, komunikasi keluarga yang terputus, pengaruh media sosial yang tidak tapis, serta budaya tabu yang menyukarkan perbincangan terbuka tentang tubuh, hubungan dan keselamatan seksual.

Pendidikan Kesihatan Reproduktif Komprehensif

Pendidikan Kesihatan Reproduktif Komprehensif (CSE) menekankan maklumat tepat mengenai tubuh manusia, keselamatan diri, hubungan sihat, persetujuan (consent), dan kemahiran membuat keputusan.

Ia bukan mengajar kanak-kanak untuk melakukan hubungan seks tetapi membekalkan mereka pengetahuan untuk melindungi diri daripada risiko, eksploitasi dan kehamilan tidak dirancang.

Kajian UNESCO, WHO dan penyelidikan tempatan menunjukkan bahawa remaja yang mendapat pendidikan reproduktif yang komprehensif lebih lambat memulakan hubungan seksual, lebih bijak menolak tekanan rakan sebaya (abstinen), lebih mampu membuat keputusan bertanggungjawab, dan lebih tahu menjaga keselamatan tubuh mereka.

Ironinya, masyarakat sering menyatakan keprihatinan terhadap kehamilan luar nikah tetapi pada masa sama menolak pendidikan reproduktif yang sebenarnya dapat mencegahnya.

Konflik Budaya, Malu dan Tabu: Cabaran Utama

Dalam banyak keluarga Melayu, isu sentuhan selamat, bahagian tubuh yang tidak boleh disentuh dan penggunaan istilah biologi seperti zakar atau faraj masih dianggap memalukan.

Akibatnya, kanak-kanak membesar tanpa memahami asas keselamatan tubuh dan menyebabkan mereka mudah terdedah kepada salah laku seksual dan maklumat salah di internet.

Kita tidak boleh mengharapkan remaja membuat keputusan bijak jika kita tidak memberikan mereka maklumat yang betul, tepat dan selamat.

Keluarga adalah institusi pendidikan pertama, tetapi tanpa sokongan, latihan dan ilmu, ramai ibu bapa tidak tahu bagaimana memulakan perbualan penting ini.

Selari dengan Visi Malaysia Madani dan SDG 2030

Pendidikan reproduktif komprehensif merupakan keperluan dasar yang selari dengan komitmen Malaysia terhadap SDG 3: Kesihatan Baik & Kesejahteraan, SDG 4: Pendidikan Berkualiti, dan SDG 5: Kesaksamaan Gender.

Ia juga menyumbang kepada kelestarian sosial jangka panjang dan mengurangkan risiko kehamilan remaja, mengelakkan kemiskinan antara generasi, memperkukuh kesejahteraan keluarga dan memastikan peluang pendidikan remaja tidak terjejas oleh kehamilan awal.

Peranan Sekolah dan Keluarga

Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS), banyak guru masih kurang latihan dan berdepan tekanan sosial untuk "mengelak topik sensitif".

Dalam masa sama, ibu bapa memerlukan sokongan dan panduan mudah untuk berbincang mengenai keselamatan tubuh, rasa hormat, dan hubungan sihat.

Kombinasi pendidikan formal dan tidak formal ini adalah kunci kepada keberkesanan pencegahan.

Lindungi Remaja Kita

Kehamilan luar nikah bukan sekadar angka statistik tetapi ianya membawa implikasi besar kepada masa hadapan pendidikan, kesihatan mental, ekonomi dan kesejahteraan sosial remaja.

Diam, malu dan stigma bukan lagi jawapan.

Malaysia memerlukan komitmen kolektif seperti membuka ruang dialog selamat di rumah dan sekolah, melatih guru dengan pendekatan berasaskan bukti, menyokong ibu bapa dengan sumber pengetahuan, dan menerima bahawa pendidikan reproduktif adalah pelindung, bukan ancaman.

Untuk melindungi generasi masa depan, kita perlu memberi mereka maklumat yang tepat bukan menunggu hingga terlambat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



WE2025: Platform Malaysia, Kosovo Kukuhkan Hubungan Perdagangan

26/11/2025 07:04 PM



Bekas Presiden Republik Kosovo, Atifete Jahjaga. (Kredit: WE2025)

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Hari kedua WE2025: Future in Motion -- Women in Trade, Investment and Leadership diteruskan dengan keterlibatan Malaysia dan Kosovo dalam menumpukan peluang untuk menggalakkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Pengantar acara, Qube Integrated Malaysia menjelaskan bekas Presiden Republik Kosovo, Atifete Jahjaga mengadakan pertemuan dengan pemimpin perniagaan Malaysia menerusi Dialog Perniagaan Malaysia-Kosovo: Meluaskan Peluang Perdagangan, yang disertai kalangan ketua perniagaan, dewan perniagaan, syarikat peringkat pertengahan dan wakil pelbagai sektor.

"Mereka meneroka peluang dalam bidang pembuatan makanan, kesihatan dan kesejahteraan, tenaga boleh baharu serta perkhidmatan," tambahnya.

Perbincangan itu juga menekankan iklim pelaburan Kosovo yang semakin kukuh, pembaharuan institusi yang sedang dilaksanakan serta potensi kerjasama rentas sempadan yang inklusif dan dipacu oleh kepimpinan wanita.

Jahjaga juga berkongsi pandangan dalam Dialog Bersama Pelajar dengan menegaskan kepimpinan perlu berteraskan khidmat, empati dan keyakinan iaitu nilai yang dibentuk melalui pengalamannya sendiri semasa beliau menuntut ilmu secara rahsia ketika Kosovo berada di bawah penindasan.

Ketika sesi Soal Jawab Dialog Bersama Pelajar, beliau berkata kepimpinan tidak diukur melalui pangkat atau jawatan, sebaliknya diukur melalui usaha membuka peluang untuk orang lain.

Beliau berkata: "Kita perlu berpegang teguh pada prinsip kita, berusaha dengan tekun, serta terus membantu orang lain di samping kita mengejar impian kita, dan ingat, tiada halangan yang tidak dapat diatasi apabila kita mempunyai keberanian serta matlamat yang jelas".

Jahjaga ialah presiden wanita pertama dan termuda Kosovo bagi tempoh 2011 hingga 2016, serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Polis Kosovo, memegang pangkat Leftenan Kolonel, pangkat tertinggi yang dicapai oleh pegawai wanita di Eropah Tenggara, dan jeneral wanita pertama dalam pasukan itu.

Beberapa acara sampingan turut diadakan sebagai pelengkap kepada persidangan utama iaitu PENIAGAWATI 45 Tahun: Membina Masa Depan, Membentuk Ekonomi; "Strong Outside, Struggling Inside: The Reality of Men in Leadership" oleh MyMasterMan; Sidang Kemuncak Wanita Hebat oleh The Mind Academy; dan Sidang Kemuncak Kerjasama dan Pembangunan Teknologi ASEAN oleh Intrinsic SEA.

Semua acara itu menekankan semangat kerjasama, inovasi dan kepimpinan berteraskan masyarakat.

Hari kedua WE2025 mencerminkan komitmen platform itu dalam usaha memperkukuh peranan Malaysia sebagai hab serantau bagi kepimpinan wanita, penyertaan ekonomi yang inklusif, dan kerjasama perniagaan rentas sempadan.

WE2025 merupakan inisiatif utama Malaysia ke arah memperkasa wanita dalam bidang perdagangan, pelaburan dan kepimpinan.

Acara itu, anjuran Qube Integrated Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Pembangunan Wanita, menyasarkan 10,000 pengunjung; 1,000 delegasi; 100 pempamer, serta potensi perdagangan dan pelaburan bernilai RM100 juta.

WE2025: Future in Motion berlangsung dari 25 hingga 27 Nov, 2025 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia di sini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa berdaftar di PPS dapat RM1,000 setiap keluarga – NADMA

🕒 25 November 2025, 3:39pm



Ketua Pengarah NADMA, Meor Ismail Meor Akim (dua kiri) menyantuni mangsa banjir di PPS SK Sri Rumpat 2, Kota Bharu. Foto NSTP

Oleh: Siti Rohana Idris

TUMPAT: Mangsa banjir yang mendaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akan menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebaik pulang ke rumah selepas banjir.

Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Meor Ismail Meor Akim, berkata bantuan RM1,000 akan disalurkan menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) ke akaun bank Ketua Isi Rumah yang telah mendaftar di PPS.

“Matlamat kita bila mangsa banjir balik ke rumah, dapat BWI tapi semua akan disalurkan melalui BSN, tiada bantuan tunai.

“Mana yang tiada akaun bank, pergi ke kaunter BSN untuk membuat tuntutan. Bantuan itu untuk membeli keperluan asas sebaik pulang ke rumah dan nilainya RM1,000 untuk satu keluarga, syaratnya, mesti berdaftar.

“Kita mohon semua mangsa berdaftar. Daftar dan balik rumah pun tak apa sebab kadang-kadang ada yang perlu jaga rumah dan keluar bekerja.

“Cuma kalau ada mangsa dalam kalangan anak kecil, warga emas atau orang kurang upaya (OKU), minta kekal di PPS,” katanya kepada pemberita di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Geting di sini, hari ini.

Dari segi aset dan kekuatan sumber manusia untuk penugasan banjir, Meor Ismail berkata, keadaan masih terkawal dan tiada penambahan diperlukan.

Katanya, seramai 103,500 sumber manusia membabitkan agensi berkaitan bersiaga ketika ini, malah ada yang sudah bertugas di lapangan.

“Kita ada Skuad Insan MADANI yang diketuai Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan bila-bila masa boleh gerakkan jika ada keperluan,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih 30,000 mangsa banjir di Semenanjung

Diterbitkan: Nov 26, 2025 10:00 PM - Diakses: 10:00 PM

Kelantan kekal mencatat jumlah mangsa banjir tertinggi dengan lebih 11,000 orang setakat malam ini, manakala Perak, Kedah, Terengganu dan Perlis turut merekodkan peningkatan ketara dan Pahang tidak berubah.

DI KELANTAN, mangsa banjir terus meningkat kepada 11,120 orang daripada 4,188 keluarga berbanding 10,578 orang daripada 4,016 keluarga petang tadi.

Berdasarkan laman web Infobencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 66 pusat pemindahan sementara (PPS) telah dibuka di sembilan jajahan iaitu Kota Bharu, Tumpat, Bachok, Pasir Puteh, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai dan Gua Musang.

Laman web Infopublic Banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran memaklumkan paras air di Sungai Golok di Rantau Panjang dan Sungai Galas di Limau Kasturi kekal melepasi tahap bahaya setakat 8.30 malam.



Seorang wanita warga emas, Siti Gayah Zakaria, 70, menjadi korban bencana itu selepas dihanyutkan air deras di Kampung Batu Lima, Jalan Jedok, Tanah Merah awal pagi tadi.

DI PERAK, jumlah mangsa banjir terus bertambah kepada 5,424 orang daripada 1,686 keluarga berbanding 4,739 orang daripada 1,469 keluarga petang tadi yang berlindung di 44 PPS.

Lapan daerah terjejas ialah Manjung, Perak Tengah, Hilir Perak, Bagan Datuk, Kuala Kangsar, Larut Matang dan Selama, Muallim dan Batang Padang.

Manjung kekal jumlah mangsa tertinggi dengan 1,983 orang daripada 588 keluarga masih ditempatkan di 16 PPS, menurut Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Perak.



DI KEDAH, angka penduduk dipindahkan ke PPS meningkat kepada 4,142 orang daripada 1,414 keluarga, berbanding 3,101 orang daripada 1,058 keluarga, petang tadi.

Menurut Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Kedah, kesemua mangsa dari daerah Kubang Pasu, Kota Setar dan Pokok Sena itu ditempatkan di 21 PPS.

Kubang Pasu masih mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu sebanyak 2,435 orang daripada 897 keluarga ditempatkan di 15 PPS manakala di Kota Setar, sebanyak 1,562 orang daripada 470 keluarga ditempatkan di lima PPS.

Di daerah Pokok Sena, sebanyak 145 orang daripada 47 keluarga ditempatkan di satu PPS yang baharu dibuka pagi tadi.



DI TERENGGANU, hujan berterusan sepanjang hari menyebabkan jumlah mangsa banjir meningkat kepada 3,233 orang daripada 1,050 keluarga setakat 8 malam ini, berbanding 2,525 orang daripada 800 keluarga pada 3 petang tadi.

Sebanyak 39 PPS dibuka yang menempatkan mangsa banjir di enam daerah iaitu Marang, Kuala Terengganu, Setiu, Besut, Hulu Terengganu dan Dungun.

DI PERLIS, mangsa banjir semakin bertambah menjadi 6,627 orang setakat malam ini berbanding 6,370 orang pada sebelah petang tadi.

Berdasarkan data Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri Perlis, kesemua mangsa banjir itu ditempatkan di 21 PPS bagi kawasan Padang Besar, Arau dan Kangar setakat 8 malam ini.

DI PAHANG, jumlah mangsa banjir kekal 19 orang daripada lapan keluarga dengan kesemua mereka ditempatkan di PPS Dewan Serbaguna Dato Omar Kuala Medang, Lipis.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



RM5 juta perluas Tabika Tunas Istimewa@KEMAS tahun depan

Nasional - Dicipta: 26 November 2025 02:52 PM



FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR, 26 November – Kerajaan komited memperluaskan akses pendidikan awal yang inklusif, berkualiti dan holistik kepada semua lapisan masyarakat khususnya kanak-kanak berkeperluan khas melalui pembukaan lebih banyak Tabika Tunas Istimewa @ KEMAS

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata kira-kira RM5 juta diperuntukan kerajaan bagi membolehkan pembukaan lebih banyak Tabika Tunas Istimewa@KEMAS tahun depan bagi menampung keperluan kanak-kanak berkeperluan khas.

Beliau berkata perbelanjaan tersebut diguna untuk membaik pulih bangunan, pembelian peralatan, pembangunan modul, latihan guru serta program Bantuan Makanan Tambahan (BMT).

"Manakala bagi tahun 2026, kos yang diperlukan dianggarkan sebanyak RM5 juta, merangkumi baik pulih bangunan, pembelian peralatan, latihan guru, Bantuan Makanan Tambahan (BMT), pemberian Geran Per Kapita (GPK), elaun kanak-kanak, serta bayaran elaun kepada Pendidik Masyarakat (PM), Pembantu Pendidik Masyarakat (PPM) dan Pembantu Pendidik Masyarakat Sukarela (PPMS) bagi 14 buah TABIKA Tunas Istimewa@KEMAS.

"Oleh itu, peruntukan yang akan disalurkan bagi setiap TABIKA Tunas Istimewa@KEMAS adalah meliputi Bantuan Makanan Tambahan (BMT), Geran Per Kapita (GPK) serta pemberian elaun kanak-kanak dengan anggaran sebanyak RM150,000. bagi setiap Tabika", katanya menjawab soalan Ahli Parlimen Jeli, Zahari bin Kechik mengenai pelaksanaan Tabika Khas Kanak-Kanak Austisme dan peruntukan disalurkan untuk setiap TABIKA itu apabila dilaksanakan kelak.

Projek rintis program tersebut telah bermula pada 15 Julai 2025 di Melaka dan dilancarkan secara rasmi pada 16 Ogos 2025, melibatkan tiga TABIKA di Jasin, Melaka Tengah dan Masjid Tanah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MERCY Malaysia Salur Bantuan Perubatan Dan Sokongan Psikososial Di Lokasi Banjir Kelantan

@ team media 📅 November 26, 2025



PETALING JAYA: MERCY Malaysia menggerakkan pasukan tindak balas kecemasan ke beberapa kawasan terjejas di Kelantan bagi menyokong operasi bantuan banjir yang sedang dilaksanakan pelbagai agensi di lapangan.

Organisasi kemanusiaan itu berkata, selain pengagihhan barangan keperluan asas, pasukan turut menyediakan perkhidmatan kesihatan termasuk sokongan kesihatan mental di pusat pemindahan yang mencatat peningkatan jumlah mangsa.

Menurut MERCY Malaysia, kerjasama rapat dijalinan bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tumpat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Tumpat bagi memastikan koordinasi bantuan dapat dilakukan dengan lebih tersusun dan berkesan.

"Pasukan kami menjalankan klinik bergerak, aktiviti mesra kanak-kanak, sokongan psikologi awal serta mengagihkan lampin pakai buang kepada bayi, kanak-kanak dan OKU di pusat pemindahan terpilih," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

MERCY Malaysia menegaskan bahawa bantuan tambahan amat diperlukan ketika cuaca tidak menentu dan jumlah mangsa yang dipindahkan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, orang ramai digesa menghulurkan sumbangan bagi membantu memperkukuh operasi bantuan banjir di negeri berkenaan.

Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun MERCY Malaysia di CIMB Islamic Bank Berhad: 8606129117, dengan rujukan MTL.

MERCY Malaysia turut memainkan peranan penting dalam misi bantuan kecemasan sejak penubuhannya pada 1999, termasuk respons pantas terhadap bencana banjir besar yang melanda beberapa negeri setiap tahun.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



80 peratus kes bunuh diri membabitkan lelaki

Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my



FOTO HIASAN

Putrajaya: Lebih 80 peratus daripada 5,857 kes bunuh diri yang dilaporkan di negara ini membabitkan golongan lelaki terutama dalam kalangan belia dan bekerja, secara tidak langsung mencerminkan trend yang membimbangkan.

Data berdasarkan angka bagi tempoh 2020 hingga Oktober lalu itu dikongsi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada Persidangan Meja Bulat Belia Bantuan Awal Menangani Bunuh Diri Belia yang diadakan secara tertutup di sini, hari ini.

Berdasarkan data itu, seramai 1,813 kes membabitkan belia berusia antara 15 hingga 30 tahun.

Ditemui selepas persidangan terbabit, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, berkata dapatan awal berdasarkan kes yang dikongsi, menunjukkan majoriti mangsa terdiri daripada golongan lelaki, namun masih banyak kes yang tidak dilaporkan.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan bahawa laporan media yang tidak sensitif berisiko mencetuskan insiden 'copy cat'.

"Kita tak ada angka (yang tepat) kerana banyak kes (cenderung bunuh diri) tidak dilaporkan dan apabila sudah menjadi kes bunuh diri, baru kita dapat data, kebanyakannya mangsa adalah lelaki dan sebab itu kita amat bimbang dengan laporan media kerana ia mendorong kepada berlakunya 'copy cat'.

"Apa yang kita nak adalah pelbagai pihak, keseluruhan ekosistem perlu diadakan latihan kerana pihak yang terjejas bukan sahaja pelajar sekolah tetapi kebanyakannya adalah golongan belia yang bekerja," katanya.

Yeoh berkata, isu stigma kekal menjadi cabaran utama apabila belia yang cuba mendapatkan bantuan sering dilabel termasuk oleh pensyarah, rakan sekerja, guru, malah ahli keluarga.

"Kita mendengar sendiri testimoni bahawa ada belia takut mendapatkan bantuan kerana bimbang masalah mereka dibincangkan dalam bilik guru atau tempat kerja.

"Ada yang diejek dengan istilah seperti 'gila' atau 'perlu makan ubat'. Ini bukan bahan jenaka kerana ia soal hidup dan mati," katanya.

Beliau berkata, stigma yang turut wujud di tempat kerja dan institusi pendidikan menyebabkan ramai belia memilih untuk berdiam diri.

Malah, kebanyakan pemanggil talian bantuan terutama lelaki sering meletakkan telefon berulang kali sebelum berani bercakap, menunjukkan mereka berada dalam keadaan terdesak.

"Kita hantar kaunselor ke sekolah tetapi data menunjukkan ramai yang terjejas adalah anak muda yang bekerja. Sebab itu kita merasakan majikan juga perlu diberi latihan berkaitan isu ini," katanya.

Yeoh berkata, terdapat kes di mana individu menghabiskan masa sehingga setahun mencari bantuan sebelum mendapat rawatan tepat dan ada yang akhirnya menjadi sebahagian daripada statistik kerana tersalah rujuk atau menerima label negatif.

Katanya, selain belia, data turut menunjukkan peningkatan kes membabitkan kanak-kanak dan warga emas dengan Selangor direkodkan sebagai negeri tertinggi kes bunuh diri diikuti Johor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.